

Ujian Pemahaman PdPR

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Kelab Memanah Sekolah

Kelab Memanah Sekolah Kebangsaan Lesong Batu mula ditubuhkan pada tahun 2019. Guru penasihat kelab ini ialah Cikgu Shaari. Bilangan ahli kelab kian meningkat kepada 35 orang murid tahun lima dan 43 orang murid tahun enam pada tahun ini.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Kelab Memanah sepanjang tahun ini. Antara aktiviti tersebut ialah Kejohanan Memanah Peringkat Sekolah, Bengkel Asas Memanah dan kerja amal. Bengkel Asas Memanah diadakan selama dua hari secara atas talian bagi meningkatkan kemahiran murid walaupun dalam tempoh pandemik. Manakala, kerja amal ialah dengan gotong-royong membersihkan Rumah Kebajikan dan kutipan derma untuk mangsa banjir.

Selain itu, kelas latihan memanah dianjurkan pada setiap hari Sabtu, pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi bagi sesi pertama. Manakala sesi kedua pula diadakan pada pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Dua orang ahli kelab telah mengharumkan nama sekolah apabila memenangi pingat emas dalam Kejohanan Memanah Atas Talian Peringkat Negeri baru-baru ini.

Semua aktiviti berjalan dengan lancar hasil kerjasaman yang baik daripada ahli-ahli. Semoga Kelab Memanah Sekolah Kebangsaan Lesong Batu akan terus maju jaya.

Disediakan oleh,

30 SEPTEMBER 2021

Izzah Insyirah

(IZZAH INSYIRAH BINTI MUIZ)

Setiausaha Kelab Memanah SKLB

1. Jumlah ahli Kelab Memanah sekolah pada tahun ini ialah _____.

2. Mengapakah bilangan ahli Kelab Memanah semakin bertambah?

_____.

3. Apakah tujuan Bengkel Asas Memanah diadakan?

_____.

4. Mengapakah Bengkel Asas Memanah diadakan secara atas talian?

_____.

5. Berapa lamakah peruntukan masa kelas memanah untuk setiap sesi?

_____.

Soalan 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BATU PAHAT, 12 April – Kira-kira 200 orang penduduk di Kampung Aman dekat sini bimbang akan keselamatan mereka, terutamanya murid yang berjalan kaki ke sekolah kerana terdapat lebih daripada 10 ekor anjing liar *berkeliaran* di kawasan berkenaan.

Seorang penduduk, Encik Awang Syukur, 53 tahun, memaklumkan bahawa tiga ekor anjing liar pernah mengejar seorang murid yang dalam perjalanan pulang dari sekolah. Jika hal ini berterusan, beliau bimbang kejadian yang sama akan berulang dan akan ada murid yang tercedera akibat digigit haiwan tersebut.

Penduduk mendakwa anjing-anjing liar itu juga sering menyelongkar tong-tong sampah yang diletakkan di tepi jalan untuk mencari makanan. Hal ini turut menyebabkan sampah sarap bertaburan hingga halaman rumah mereka.

Selain itu, anjing-anjing liar itu juga didakwa sering tidur di kaki lima masjid dan balai raya kampung berkenaan. Keadaan ini mengotorkan kawasan tersebut kerana terdapat najis haiwan tersebut.

Penduduk kampung berharap agar tindakan dapat diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Batu Pahat untuk memastikan keselamatan penduduk dengan menangkap anjing-anjing liar itu. Menurut Encik Awang Syukur lagi, aduan tentang perkara itu telah dibuat sebulan yang lalu tetapi tiada sebarang tindakan yang diambil.

1. Mengapakah penduduk Kampung Aman berasa bimbang?

_____.

2. Siapakah pihak yang bertanggungjawab dalam menangani masalah anjing liar yang berkeliaran?

_____.

3. Bilakah aduan tentang anjing-anjing liar ini pernah dibuat?

_____.

4. Yang berikut ialah perbuatan anjing-anjing liar tersebut, **kecuali**

_____.

5. Perkataan *berkeliaran* dalam petikan bermaksud _____.